

SinarHarian Online

6 Februari 2018

<http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/pembinaan-acuan-negara-bangsa-1.794197#.Wnq7EGSBGdQ.facebook>

## PEMBINAAN ACUAN NEGARA BANGSA

KU HASNAN BIN HAJI KU HALIM 6 FEBRUARI 2018

FacebookTwitterWhatsAppEmailMore15

Kuala Lumpur



MALAYSIA, sebagai suatu entiti politik, mula wujud pada 16 September 1963, ditubuhkan dengan menyatukan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka pada masa itu dengan Singapura, Borneo Utara (sekarang dinamakan Sabah) dan Sarawak.

Persekutuan yang baharu ini dinamakan Malaysia dan ia terus beradadalam Komanwel sebagai sebuah negara merdeka. Kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara sangat terikat dengan kestabilan politik dan pengurusan sumber manusia dan aslinya.

Malahan kekuatan Malaysia terletak kepada kemampuannya membinamekan sistem mengurus masyarakat pelbagai budaya yang boleh menjadi divisive kepada keharmonian dan kestabilan.

Di Malaysia, perpaduan merupakan elemen yang amat penting dalam menzahirkan landskap kestabilan politik dan seterusnya menjadi prasyarat utama dalam mewujudkan kesejahteraan hubungan yang harmonis dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Sejarah telah mencatatkan peristiwa permuafakatan politik dalam kalangan barisan pemimpin pelbagai kaum di ambang kemerdekaan bersatu dan berpadu hatidalam merencanakan tarikh keramat 31 Ogos, 1957; di manakedaulatan tanah air dari belenggu penjajah dari pihak British ketangkaskembali.

Sejak merdeka, usahamurnitelah dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengekalkan keharmonian dan menolakansurdalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. Ia penting sebagai landasan negara memacu perkembangan ekonomi, pemantapan rancangan pembangunan sosiobudaya serta mewujudkan kestabilan politik di negaraini.

Dalam hal ini, Malaysia mempunyai beberapa acuan untuk mengurus superpaduan negara dan integrasi nasional. Acuan ini telah digunakan untuk menyusunatur, merancang dan melaksanakan pembangunan dan pemerintahan di Malaysia.

Rakyat Malaysia terdiri dari pelbagai budaya, agama dan bahasa. Pengurusan perhubungan kaum yang harmoni di antararakyat pelbagai budaya telah menjadi perkara asas dalam negaraini semenjak mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957.

Acuan pertama yang terbina dari padakemahuan bersam rakyat mahumemerdekakan negara dari padapenjajah Inggeris ialah per

muafakatan politik dengan terbinanya Parti Perikatan Umno-MCA-MIC pada 1954 dan semangat permuafakatan kaum diteruskan oleh BN yang ditunjang parti Umno.

Setelah rusuh kaum dalam tahun 1969 terjadi, perpaduan negara adalah di antaramatlamat utamadalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru 1974-1994, Dasar Pembangunan Negara 1994-2024 dan pembentukan negara industri, demokratik dan progresif melalui Wawasan 2020.

Dasar-dasar pembangunan negara ini telah meletakkan batuasasacuan Malaysia yang kedua di mana pembangunan ekonomi negara diikat dengan falsafah pembangunan ekonomi yang mestidiikat dengan pengagihan di antara kaum, miskin-kaya, desa-bandar dan wilayah. Dengan terbinaikatan di antara rakyat pelbagai budayaini, diharapkan kestabilan sosiopolitik dan pembangunan ekonomi di negara ini akan terjamin dan dapat berjalan secara berterusan.

Pembangunan negara yang sentiasa mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat hingga ke hari ini semenjak tahun 1990-an, telah memodenkan negara sehingga struktur masyarakat agrari telah mengalami perubahan ke arah budaya hi dup kelas menengah yang mengutamakan konsumerisme dan kualiti hidup.

Perubahan sosial ini telah berjaya melenturperkiraan kaum dan agama sebagai asas perhubungan sosial di antara individu dari pelbagai kaum hinggalah masyarakat yang stabil, makmur dan harmoni.

Justeru, modeniti dan pembangunan di Malaysia telah berjaya menghakissentimen primordial yang sering dikaitkan dengan etnisiti dan agama. Kesan modeniti dan pembangunan dalam melentur sifat divisive dan motif pada etnisiti dan agama ini diperkukuhkan lagi dengan acuan tadbiruruskerajaan Malaysia yang berjaya merasional-legalkan kehendakperkauman dan agama ini dalam bentuk pentadbiran negara hinggalah kepentingan yang nampak berbezadiurus dengan baik dan dinikmati bersama oleh masyarakat pelbagai budaya di negara ini.

Matlamat perpaduan negara yang diinginkan adalah cabaran pembangunan masa kini menghendaki institusi runtut tangga, khususnya di peringkat agimemastikan institusi ini sentiasa berupaya untuk menangani masalah sosial dan anseti apabila berubah dalam masyarakat ini agar dapat diurus dengan baik dalam proses pembingkaiannegara dan bangsa Malaysia.

Pemahaman dan penghayatan terhadap Prinsip Rukun Negara akan membantu dalam merealisasikan kesinambungan dan kemakmuran proses untuk kita bernegara. Negara kita Tanggungjawab Kita!

\*\*Penulis ialah Pensyarah Kanan Jabatan Sains Sosial Pusat Pengajian Umum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia